



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN  
FAEDAH**

**KOD KURSUS : DSM3203**

**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: (100 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
3. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat termasuk kulit hadapan*

---

Bahagian ini mempunyai **LIMA (5)** soalan.  
Jawab **semua soalan** di dalam kertas jawapan.

### SOALAN 1

a. Jelaskan konsep ekuiti dalaman sesebuah syarikat.

(10 markah)

b. Bagaimanakah Syarikat Naza boleh mengekalkan persepsi positif pekerja terhadap ekuiti luaran?

(10 markah)

### SOALAN 2

a. Jelaskan ciri-ciri yang boleh menjadikan program insentif memberi kebaikan kepada pekerja dan organisasi.

(10 markah)

b. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, anda dapati telah berlaku konflik dalam melaksanakan pelan insentif individu. Apakah yang menyebabkan konflik ini berlaku?

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Genting Holding dalam usaha memaklumkan kepada kakitangannya tentang cuti umum bagi tahun 2022. Bagaimana Genting Holding menentukan jumlah cuti umum sepertimana yang termaktub dalam Akta Pekerjaan 1955?

(8 markah)

- b. TRX Berhad dalam perancangan untuk menetapkan faedah tidak berkanun yang terdiri daripada faedah insurans dan penjagaan kesihatan kepada pekerjanya. Oleh sebab itu, pihak pengurusan perlu membuat pemilihan terhadap kedua-dua faedah ini. Anda telah diminta untuk membantu pihak pengurusan TRX Berhad, bagi membuat perbandingan di antara manfaat berkenaan supaya TRX Berhad boleh menawarkan faedah yang memang diperlukan oleh pekerja.

(12 markah)

**SOALAN 4**

- a. Razak telah ditawarkan bekerja di syarikat Telaga Jaya dengan gaji sebanyak RM1500 sebulan. Berdasarkan Akta Pekerjaan 1955, apakah jenis potongan wajib yang dibenarkan?

(10 markah)

- b. Anda baru sahaja merekrut jurujual baharu di Bahagian Jualan syarikat kenderaan Automobol Johor. Sebagai Pengurus Sumber Manusia apakah sistem pengurusan gaji yang sesuai untuk jawatan jurujual berkenaan?

(10 markah)

**SOALAN 5**

- a. Program pengekalan pekerja atau *Employment Retention Programme* (ERP) telah digabungkan bersama-sama Program Subsidi Upah (PSU). Program ini merupakan satu inisiatif pihak kerajaan membantu mengekalkan pekerja dalam sesebuah organisasi. Bagaimana ERP dapat membantu organisasi dalam tempoh pandemik Covid-19?

(6 markah)

- b. Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh membuat caruman secara sukarela. Bandingkan faedah caruman i-suri dan i-saraan yang termasuk di bawah kategori caruman sukarela KWSP.

(14 markah)

**[100 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**